

Malaysia bakal jadi pusat komunikasi Asia

BH 18 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Sistem satelit serantau, Malaysia East Asia Satellite (Measat-1), membolehkan Malaysia berfungsi sebagai pusat komunikasi utama di Asia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri berkata, Measat bukan saja menjadi sebahagian daripada keperluan telekomunikasi dan penyiaran negara malah pusat komunikasi serantau yang berpangkalan di negara ini.

"Dengan adanya satelit Measat, hubungan komunikasi di seluruh Malaysia tidak akan mempunyai batasan lagi termasuk hubungan dengan kawasan pedalaman yang jauh.

"Malah ia menjangkau kawasan luar dari Malaysia yang dapat diliputi oleh satelit Measat. Ini akan dapat merapatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara jiran termasuk India.

"Bagi jangka panjang, kerajaan menggalakkan Measat melabur dalam pembangunan satelit di negara lain supaya komunikasi serantau saling berkait dan berupaya memelihara nilai-nilai

tradisi," katanya.

Dr Mahathir berucap di majlis menandatangani Program Measat-1 di antara syarikat tempatan, Binariang Sdn Bhd dan Hughes Communications International, Inc (HUGHES) di sini, hari ini.

Projek Measat bernilai RM3.5 bilion itu membatik pengeluaran dua satelit komunikasi dalam tempoh empat tahun iaitu di antara 1994 dan 1998.

Binariang diwakili dua Pengarah Eksekutifnya, Nordin Baharudin dan Khoo Teng Bin manakala HUGHES pula oleh Pengerusi Komunikasi Antarabangnya, Stephen Dorfman dan Naib Presiden bagi Asia Pasifik, Ted Mc Farland.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu dan Timbalannya, Datuk Tajol Rosli Ghazali serta Pengerusi Binariang, Tun Haniff Omar.

Menurut Perdana Menteri, Measat akan memperkenalkan sistem terus ke pengguna (DTU) yang

bukan saja memberi mutu siaran dan penerimaan lebih baik, malah teknologinya menepati Akta Penyiaran.

"Measat direka dengan teknologi terkini termasuk penggunaan modulasi digital, teknik tekanan dan *encryption* iaitu menyiarkan kandungan rancangan yang boleh dikodkan saja, tidak seperti Rangkaian-C dari seberang laut.

"Bagi jangka panjang, kerajaan menetapkan dasar tertentu supaya satelit lain yang ingin memasukkan Malaysia dalam liputannya perlu menyelaraskannya dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dahulu," katanya.

Dr Mahathir kesal berikutan tindakan pihak tertentu yang cuba mengetengahkan konsep baru bahawa sebarang negara tidak mempunyai hak untuk mengawal siaran satelit.

Menurut beliau, pihak terbabit mendakwa kononnya dasar siaran seumpama itu tidak demokratik kerana tertakluk kepada undang-undang tempatan.